

23 JUL 1999

Rencana-Islam

USAHA BERTERUSAN KERAJAAN TINGKATKAN SYIAR ISLAM

Oleh: HALIM TAIB

KUALA LUMPUR: Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, pelbagai peraturan yang merangkumi pelbagai bidang telah diperkenal dan diterapkan oleh kerajaan ke dalam sistem pentadbiran Islam, sejajar dengan peruntukan perlembagaan dan selaras dengan usaha meningkatkan syiar agama rasmi negara itu.

Namun begitu, masih ada pelbagai aspek pentadbiran Islam yang menjadi subjek pertikaian di kalangan anggota masyarakat, sama ada daripada kalangan pembangkang atau penyokong kerajaan.

Umpamanya, pemimpin-pemimpin PAS mendakwa kononnya kerajaan gagal memartabatkan Islam sehingga tidak dapat mengatasi pelbagai gejala yang boleh menjejaskan imej dan maruah agama itu, termasuk perbuatan murtad di kalangan orang Islam yang kononnya sedang berleluasa di negara ini.

Golongan yang menyokong usaha-usaha kerajaan itu pula berpendapat masanya telah tiba bagi pentadbiran Islam negeri-negeri di seluruh negara diseragamkan untuk mengelak pertindihan atau perbezaan daripada segi perlaksanaan hukum hakam Islam di negeri-negeri daripada berterusan.

Menurut mereka penyelarasan itu penting kerana selama ini anggota masyarakat agak keliru dengan perbezaan ketara daripada segi interpretasi, penguatkuasaan dan hukuman yang dijalankan menurut undang-undang syariah.

Ini bukan sahaja menjadikan peraturan syarak bahan ketawa tetapi turut menyulitkan usaha untuk mendekati agama itu kepada orang bukan Islam, dan dalam sesetengah kes menimbulkan keraguan penganut Islam sendiri terhadap peraturan itu yang berbeza-beza di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain.

Bagi menjawab persoalan-persoalan itu, Bernama baru-baru ini menemui bual Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman. Berikut diperturunkan petikan temu bual itu;

Soalan: Sejauh mana usaha telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi gejala murtad di kalangan umat Islam di negara ini, dan adakah mana-mana pentadbiran Islam negeri yang telah mempunyai peruntukan berhubung gejala itu?

Jawapan: Kerajaan Pusat melalui Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) telah selesai menggubal satu Rang Undang-Undang berkaitan gejala itu. Rang Undang-undang itu akan dijadikan rang undang-undang contoh untuk digunapakai oleh negeri-negeri di seluruh Malaysia.

Draf Undang-Undang itu kini sedang dikaji oleh Jabatan Peguam Negara kerana ia melibatkan persoalan undang-undang yang menyentuh Perlembagaan Persekutuan, termasuk soal hak kebebasan beragama untuk semua orang yang dijamin di bawah perkara 11(1) perlembagaan itu.

Dalam draf itu telah dimasukkan peruntukan yang membolehkan Mahkamah Tinggi Syariah mendengar dan membicarakan kes-kes berkaitan murtad.

Pada masa ini tiga buah kerajaan negeri telah mengadakan peruntukan bagi membolehkan Mahkamah Syariah mendengar dan membicarakan kes-kes berkaitan murtad/percubaan murtad.

Negeri Sembilan memperuntukkannya dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan)(Pindaan) 1991, Melaka dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 dan Sabah dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995.

Soalan: Sesuai dengan gesaan banyak pihak di negara ini, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan ke arah menyelaraskan Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak negeri-negeri?

Jawapan: Raja-Raja Melayu dan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sebelum Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu ke-176 pada 1 Ogos 1997, telah bersetuju dengan cadangan kerajaan pusat untuk menyeragamkan undang-undang Islam di seluruh Malaysia.

Berikutan dengan persetujuan itu Raja-Raja Melayu telah melantik Sultan Perak, Sultan Azlan Shah sebagai Penasihat undang-undang mereka. Sultan Azlan telah mengarahkan Peguam Negara membuat kajian mengenai ketidakseragaman undang-undang Islam antara negeri-negeri.

Bagi kajian itu Jabatan Peguam Negara bersama JAKIM telah memberi tumpuan kepada enam undang-undang utama yang berkuatkuasa di negeri-negeri iaitu: Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam, Undang-Undang Keluarga Islam, Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah, Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah, Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah dan Undang-Undang Tatacara Mahkamah Syariah.

Bagi maksud kajian tersebut, undang-undang yang digunakan sebagai asas perbandingan ialah undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Berikutan dengan itu juga Jabatan Peguam Negara dan JAKIM menyediakan enam Rang Undang-Undang terbabit untuk dijadikan sebagai model bagi diterimapakai oleh negeri-negeri di seluruh Malaysia.

Keenam-enam rang undang-undang itu akan dibentangkan bagi mendapat perkenan Mesyuarat Majlis Raja-Raja. Selepas diperkenankan, rang undang-undang itu akan digunakapakai oleh negeri-negeri tanpa pindaan dan ubahsuai. Dengan demikian keenam-enam rang undang-undang berkenaan dapat diselaras dan diseragamkan antara negeri-negeri di seluruh Malaysia.

Soalan: Penyeragaman Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak menjadi lebih penting kerana corak hukuman berkaitan kesalahan jenayah syariah yang tidak konsisten di negara ini sering kali menimbulkan polemik di kalangan umat Islam.

Contohnya, mereka mempersoalkan apakah wajar jika seorang imam masjid hanya dikenakan penjara sehari dan denda RM4,000 kerana cuba melakukan persetubuhan haram dengan isteri orang, sedangkan orang yang ditangkap tidak berpuasa kadang kala dihukum penjara seminggu atau lebih.

Jawapan: Pada prinsipnya kesalahan berzina atau cuba berzina sewajarnya dijatuhkan hukuman yang lebih berat jika dibandingkan dengan kesalahan tidak berpuasa kerana ia bukan sahaja melibatkan maruah diri pelaku, bahkan juga melibatkan individu lain, keluarga dan masyarakat Islam seluruhnya.

Peruntukan yang sedia ada berkaitan kesalahan tersebut adalah lebih tinggi hukumannya jika dibandingkan dengan kesalahan makan atau minum secara terbuka di tempat awam pada bulan Ramadhan.

Sebagai contoh, seksyen 23, Akta Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997) memperuntukkan bahawa orang lelaki yang berzina boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau disebat tidak lebih enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Seksyen 24 akta yang sama pula menyatakan orang yang cuba berzina boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

Sementara Seksyen 52, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 pula menyebut mana-mana orang yang cuba melakukan persetubuhan haram boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau

kedua-duanya sekali.

Mengenai contoh kes yang ditimbulkan, mungkin hukuman yang dijatuhkan adalah mengikut budibicara hakim yang membicarakannya. Peruntukan yang sedia ada bagi kes tersebut ialah denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Manakala mereka yang sabit dengan kesalahan berhubung makan atau minum secara terbuka di tempat awam boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan denda tidak lebih RM2,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kedua atau berikutnya.

HT AM